

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan jika Kerajaan Persekutuan yang telah mempromosikan slogan '1 Malaysia', akan menjadikan 'Pesta Menuai' di Sabah dan 'Hari Gawai' di Sarawak sebagai cuti umum nasional untuk membolehkan puluhan ribu penduduk Sabah dan Sarawak daripada pelbagai etnik yang kini menetap di Semenanjung Malaysia meraikannya kerana 'Pesta Menuai' dan 'Hari Gawai' ialah sambutan budaya yang utama di kedua-dua negeri tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan hari kelepasan am yang ada sekarang iaitu antara 13 hingga 14 hari bagi hari kelepasan am Persekutuan dan antara 4-5 hari bagi hari kelepasan am negeri. Jumlah hari kelepasan am yang dinikmati di Wilayah-wilayah Persekutuan dan negeri-negeri adalah antara 17 hingga 19 hari setahun.

Sekian. Terima kasih.